



Untuk Siaran Segera

KEJAYAAN BULAN MENABUNG SSPN TINGKATKAN BUDAYA MENABUNG MASYARAKAT MALAYSIA

Kuala Lumpur, 4 November 2020 – Bulan Menabung Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) 2020 anjuran Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang berakhir pada 31 Oktober 2020 lalu mencatatkan kejayaan dengan jumlah simpanan sebanyak RM150.4 juta.

Ini menunjukkan masyarakat Malaysia mempunyai kesedaran dan mempunyai keutamaan untuk membuat simpanan terutamanya bagi tujuan pendidikan demi masa depan anak-anak. Program ini telah berlangsung selama **sebulan bermula 1 hingga 31 Oktober 2020** secara dalam talian melalui **platform FB Rasmi PTPTNOfficial**. Melalui program ini, PTPTN mensasarkan RM110 juta jumlah simpanan dan telah berjaya **mencapai 136.73%** berbanding yang disasarkan.

Justeru itu, “Saya mewakili PTPTN, mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada masyarakat Malaysia yang telah memulakan langkah bijak dan terbaik membuat penabungan di dalam SSPN bagi menjamin masa depan pendidikan anak-anak,” kata Pengerusi PTPTN, Wan Saiful Wan Jan.

“Bulan Menabung SSPN 2020 ini dilihat telah **berjaya meningkatkan budaya menabung masyarakat Malaysia**. Peningkatan jumlah simpanan dalam tempoh yang sama berbanding tahun lepas jelas menunjukkan bahawa semakin **ramai ibu bapa yang telah mula sedar tentang kepentingan membuat penabungan dan perancangan kewangan untuk pendidikan tinggi anak-anak**. Itulah istimewanya intrumen simpanan SSPN ini yang **mampu membentuk ‘nation building’**,” tambahnya lagi.

Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata “Semenjak tahun 2004, **PTPTN** telah memulakan langkah untuk **memperkasakan penabungan bagi tujuan pendidikan untuk masyarakat Malaysia** melalui **SSPN**. Skim ini merupakan **pelan simpanan pendidikan terbaik yang diwujudkan oleh Kerajaan** melalui **PTPTN** untuk **membantu perancangan kewangan dan mempunyai banyak keistimewaan yang disediakan kepada pendeposit.**”

“Masyarakat Malaysia **digalakkan untuk terus membuat simpanan melalui SSPN** walau pun ketika negara dilanda ujian dengan pandemik Covid-19 memandangkan simpanan ini **menawarkan pelbagai keistimewaan berganda kepada pendeposit**. **Pembukaan atau penambahan akaun SSPN** boleh dibuat melalui **pelbagai saluran yang lebih mudah, cepat dan selamat secara dalam talian (online)** melalui **www.lovesspn.com** atau **saluran-saluran perbankan internet** yang telah disediakan,” tambahnya lagi.

Tahun 2020 ini merupakan **tahun ketiga** PTPTN menganjurkan Bulan Menabung SSPN **bersempena dengan Hari Tabungan Sedunia** yang disambut pada 31 Oktober setiap tahun. Pada tahun 2018 dan 2019, PTPTN mengadakan Minggu Menabung SSPN di pusat membeli belah selama tiga (3) hari berturut-turut di seluruh Malaysia. Pada tahun 2020, ia sedikit berbeza dan dijadikan **kepada Bulan Menabung SSPN dengan mengadakan program dan aktiviti mengikut norma baharu bagi menangani pandemik Covid-19. Pengisian program** Bulan Menabung SSPN 2020 telah dilaksanakan secara *online* serta **menawarkan pelbagai hadiah menarik dengan tagline ‘Jom Jadi Superhero Anak Anda’.**

PTPTN akan terus komited untuk meningkatkan lagi kesedaran masyarakat untuk terus menabung di dalam SSPN bagi mengelakkan kebergantungan kepada pinjaman semata-mata. PTPTN yakin usaha ini akan disokong oleh semua pihak bagi merealisasikan untuk menjadikan PTPTN sebagai ‘Tabung Pendidikan’ dan mencapai sasaran deposit sebanyak RM1.5 bilion pada tahun 2020.

Mengenai PTPTN dan SSPN

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) yang berkuat kuasa pada 1 Julai 1997. PTPTN memulakan operasi pada 1 November 1997 dan bertanggungjawab menguruskan pinjaman untuk tujuan pendidikan tinggi dan mengutip pembayaran balik pinjaman; menyediakan skim simpanan dan menguruskan deposit bagi tujuan pendidikan tinggi; serta melaksanakan sebarang fungsi lain yang diamanahkan kepada PTPTN oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) adalah merupakan satu skim atau instrumen simpanan yang diwujudkan khas oleh PTPTN bagi tujuan pendidikan tinggi. Di bawah SSPN ini terdapat dua produk iaitu SSPN-i (yang dilancarkan pada tahun 2004) dan SSPN-i Plus (yang dilancarkan pada tahun 2015).

Hubungi:

- i) **Puan Rina Abd Rahman di rina@ptptn.gov.my (019 – 3888 733); atau**
- ii) **Puan Nurul Shadila Abdul Malek di nurul_shadila@ptptn.gov.my (013 – 2733 855)**

-tamat-

Disiarkan oleh: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)